



PEMBAHARUAN PERUNDANGAN TANAH OLEH PENTADBIR BRITISH DI PERAK DAN KESANNYA KE ATAS PEMILIKAN TANAH ORANG MELAYU:

KAJIAN KES DI KINTA, 1874-1941

*Land Law Reforms by British Administrators in Perak and Their Impact on Malay Land Ownership:
A Case Study of Kinta, 1874-1941*

¹*NUR AIN MOHAMMAD MOKHTAR

²SITI NOOR HAFIZAH MOHAMED SHARIF

¹*²Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,
Universiti Sains Malaysia, 11800 Minden, Pulau Pinang, Malaysia.

*Corresponding author: ainmokhtar@student.usm.my

Dihantar/Received: 5 August 2025 | Penambahbaikan/Revised: 31 October 2025

Diterima/Accepted: 4 November 2025 | Terbit/Published: 30 June 2026

DOI: <https://doi.org/10.51200/manu.v37i1.5732>

Abstrak Artikel ini membincangkan mengenai pembaharuan sistem pemilikan tanah negeri Perak dan kesannya ke atas orang Melayu di Kinta. Sebelum British memperkenalkan perundangan tanahnya, orang Melayu di Perak telah pun memiliki undang-undang tradisionalnya yang tersendiri. Namun, terdapat dalam kalangan pentadbir kolonial yang menolak kewujudan peraturan-peraturan tanah dalam undang-undang tradisional ekoran tidak terdapat sebarang dokumen pendaftaran tanah secara bertulis yang dapat mengesahkan peraturan-peraturan tanah ini benar-benar diamalkan oleh orang Melayu di Perak. Kesimpulan-kesimpulan yang muncul daripada tafsiran pentadbir-pentadbir kolonial ini kemudiannya telah mendorong British untuk memperkenalkan perundangan tanah baharu yang lebih sesuai dengan sistem ekonomi British. Namun, selepas pelaksanaan perundangan tanah British, telah timbul isu kehilangan tanah dalam kalangan orang Melayu. Isu ini sering kali dikaitkan dengan sikap orang Melayu suka berhutang. Hal ini menyebabkan British menguatkuasakan Enakmen Tanah Simpanan Melayu (TSM) 1913. Di Kinta, enakmen ini dikuatkuasakan pada tahun 1915 bagi menyelesaikan isu kehilangan tanah dalam kalangan orang Melayu. Sungguhpun demikian, didapati bahawa isu kehilangan tanah orang Melayu masih berlaku sekali pun selepas penguatkuasaan TSM oleh pentadbir British. Kegagalan ini telah menimbulkan persoalan, apakah isu hutang orang Melayu merupakan punca utama kehilangan tanah orang Melayu di Kinta. Kajian ini mendapati punca utama kepada isu ini bukanlah kerana sikap orang Melayu suka berhutang. Sebaliknya, isu ini berpunca daripada peraturan sewa tanah yang termaktub di bawah perundangan tanah British. Artikel ini telah menggunakan pendekatan sejarah berdasarkan analisis sumber-sumber primer yang terdiri daripada rekod rasmi British seperti *The Perak Government Gazette*, *Federated Malay States Government Gazette*, dan Laporan Banci.

Kata kunci: Perundangan tanah tradisional, perundangan tanah British, orang Melayu, isu kehilangan tanah, Kinta



Abstract *This article discusses the reform of the land ownership system in Perak and its impact on the Malays in Kinta. Prior to the British introducing their land legislation, the Malays in Perak had their own traditional legal system. However, certain colonial authorities denied the existence of these traditional land laws, citing the lack of written land registration documents as evidence of their non-practice. With these interpretations by the colonial authorities, the British subsequently introduced new land legislation designed to align with their economic system. However, after the implementation of the British land legislation, land loss became a major issue among the Malays. This issue was often linked with the attitude of the Malays who were said to have a tendency to incur debt. To address this, the British enforced the Malay Reservation Enactment (MRE) 1913. In Kinta, this enactment was enforced in 1915 to solve the land losses among the Malays. Alas, land losses continued to occur even after the enforcement of the MRE. This raised questions about whether debt was truly the primary cause of Malay land loss in Kinta. This study finds that the principal cause of land loss was not the Malays' inclination to debt. Instead, it was the land rent policies documented in the British land legislation. This article employs a historical approach based on an analysis of primary sources, including official British records such as The Perak Government Gazette, Federated Malay States Government Gazette, and census reports.*

Keywords: *Traditional land legislation, British land legislation, Malays, land loss, Kinta*

PENGENALAN

Permulaan kepada wujudnya sebuah undang-undang dalam sejarah kesultanan Perak adalah apabila *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan* dan *Undang-Undang Minangkabau* dibawa masuk ke Perak pada kurun ke-16 Masihi. Undang-undang ini menjadi bukti wujudnya sistem pemilikan tanah yang menjadi rujukan kepada orang Melayu dalam menjalankan kegiatan perekonomian. Secara umumnya, kedua-dua undang-undang ini menetapkan hak pemilikan tanah dengan mudah dan tidak merumitkan. Hal ini menyebabkan sebarang urusan berkaitan tanah hanya dijalankan secara lisan (Siti Noor Hafizah, 2019). Namun, bentuk pengamalan tanah sedemikian telah menyebabkan sistem pemilikan tanah orang Melayu di Perak dinafikan kewujudannya oleh pentadbir kolonial seperti Frank Swettenham (*Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Perak*, 1890) yang kemudiannya di sokong oleh David Wong (1897) yang merasakan bentuk pengamalan tanah sedemikian tidak mungkin berasaskan kepada mana-mana sistem pemilikan tanah.

Menurut Noor Aisha (2006), percubaan untuk memahami konsep pemilikan tanah tradisional oleh pentadbir British dipengaruhi oleh dua faktor utama. Pertama, keperluan untuk menjana hasil bagi menampung kos pentadbiran. Kedua, keperluan untuk mengetahui bagaimana tanah orang Melayu boleh dijual dan dipindah milik. Faktor-faktor ini menunjukkan kehendak-kehendak yang diinginkan oleh British dalam aspek pemilikan tanah adalah bertentangan dalam amalan tanah orang Melayu. Oleh hal demikian, British telah bertindak memperkenalkan perundangan tanah baharu yang dianggap lebih bersesuaian dalam memenuhi keperluan ekonomi British di Perak. Menerusi perundangan tanahnya, British telah memperkenalkan hak pemilikan tanah secara bertulis bagi membolehkan dokumen pemilikan tanah dikeluarkan untuk mengesahkan hak pemilikan ke atas tanah. Setelah tanah didaftarkan, tanah akan diukur dan



ditandakan sempadan terlebih dahulu sebelum permohonan tanah diluluskan.¹ Walau bagaimanapun, kos-kos tersebut perlu ditanggung sepenuhnya oleh pemohon. Selepas permohonan tanah diluluskan, pemilik tanah akan dikenakan sewa tanah yang menyebabkan kemampuan untuk membayar sewa tanah dijadikan sandaran untuk mengekalkan hak pemilikan tanah. Peraturan-peraturan ini telah menyebabkan orang Melayu gagal beradaptasi dengan perkembangan ekonomi yang diperkenalkan oleh British di Kinta. Hasil yang tidak menguntungkan daripada kegiatan pertanian padi telah menyebabkan orang Melayu tidak berkemampuan untuk membayar kos-kos ke atas pemilikan tanah.

Kesannya, orang Melayu terpaksa menjual atau menggadaikan tanah milik mereka untuk mendapatkan pinjaman daripada golongan ceti untuk mengekalkan hak pemilikan tanah. Walau bagaimanapun, kadar pinjaman tinggi yang ditetapkan oleh golongan ceti ini telah menyebabkan tanah-tanah milik orang Melayu akhirnya terjual dan terjual kepada golongan ceti.² Keadaan ini mendapat perhatian dan menyebabkan British memperkenalkan Enakmen TSM 1913 di Kinta pada tahun 1915 bagi menghalang tanah-tanah milik orang Melayu terjual dan terjual kepada orang bukan Melayu. Namun, penguatkuasaan Enakmen TSM 1913 di Kinta nyata tidak mengubah hakikat bahawa orang Melayu di Kinta masih berhadapan dengan isu kehilangan tanah. Oleh itu, artikel ini akan meneliti punca sebenar kepada berlakunya isu kehilangan tanah dalam kalangan orang Melayu di Kinta dari tahun 1874 sehingga 1941.

Sistem Pemilikan Tanah di Perak Sebelum Penjajahan

Tanah untuk Pertanian

Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan dan *Undang-Undang Minangkabau* menjadi bukti wujudnya sistem pemilikan tanah tradisional di Perak. Secara asasnya, kedua undang-undang tradisional ini memberi hak penerokaan dan pemilikan dengan mudah dan tidak merumitkan seperti mana keterbukaan kedua undang-undang ini menetapkan pemberian hak pemilikan tanah hanyalah berasaskan kepada hak meneroka dan mengusahakan tanah yang ditetapkan pada Fasal 13 dan 43 dalam *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan* serta Fasal 61, 62, 63, dan 64 dalam *Undang-Undang Minangkabau* (Siti Noor Hafizah, 2023).

Penetapan hak penerokaan dan pemilikan dengan mudah dan tidak merumitkan ini sebenarnya terkait dengan pengaruh Islam yang menjadi asas pembentukan peraturan-peraturan tanah dalam kedua undang-undang tradisional ini. Bagi *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan*, pengaruh Islam ini dibuktikan pada bahagian pertama yang menceritakan mengenai kitab-kitab suci yang diturunkan oleh Allah kepada para nabi (Rigby, 1929). *Undang-Undang Minangkabau* pula mengemukakan konsep tanah di dunia adalah milik Allah (Maxwell, 1884). Konsep ini telah menyebabkan orang Melayu pada ketika itu berpegang bahawa hak manusia ke atas tanah hanyalah untuk memakmurkannya (Ani Ahmad, 2000). Maka, tidak hairanlah sekiranya peraturan-peraturan tanah dalam kedua undang-undang ini menetapkan hak pemilikan tanah dengan mudah dan tidak merumitkan.

Walaupun bagaimanapun, ketiadaan sebarang dokumen pemilikan tanah yang dapat membuktikan undang-undang ini benar-benar diamalkan telah menyebabkan pentadbir kolonial seperti Frank Swettenham menolak kewujudan sistem pemilikan tanah semasa pemerintahan tradisional di Perak. Bagi Swettenham, tidak terdapat sebarang sistem pemilikan tanah atau sebarang pembayaran satu persepuluh semasa pemerintahan tradisional. Penolakan Swettenham



terhadap pembayaran satu persepuluh ini sebenarnya terkait dengan hujah Maxwell yang berpendapat wujudnya sistem pemilikan tanah semasa pemerintahan tradisional di Perak berikutan beliau melihat adanya pembayaran satu persepuluh yang diamalkan oleh orang Melayu di Kerian. Namun demikian, Swettenham tetap menolak pembuktian yang dikemukakan oleh Maxwell yang menyebabkan beliau mengandaikan orang Melayu di Perak menduduki dan memiliki tanah tanpa membayar apa-apa kepada pemerintah (*Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Perak*, 1890). Selain Swettenham, David Wong (1975) yang banyak bersandarkan kepada pandangan Swettenham turut merasakan amalan kutipan cukai sebegitu tidak mungkin wujud sejak dahulu lagi. Pengamalan tanah seperti itu menyebabkan rakyat hanya memiliki hak untuk mengusahakan tanah sedangkan hak pemilikan ke atas tanah itu masih dimiliki oleh sultan dan bukannya rakyat yang mengusahakan tanah. Kesannya, tanah yang diusahakan oleh rakyat itu tidak boleh diwarisi kepada keturunannya kerana rakyat hanyalah sekadar penyewa di atas tanah milik sultan manakala rakyat hanya dapat memanfaatkan hasil daripada tanah yang diusahanya itu. Kesannya, sultan sewenang-wenangnya boleh mengusir rakyat dari tanahnya dan merampas hasil keluaran mereka secara sesuka hati. Berasaskan hujah-hujah sedemikian, maka Swettenham dan David Wong menolak wujudnya sistem pemilikan tanah semasa pemerintahan tradisional di Perak.

Kajian ini tidak menolak hujah yang dikemukakan oleh Frank Swettenham yang berpendapat tanah semasa pemerintahan tradisional di Perak tidak boleh diwarisi walaupun peraturan pewarisan tanah oleh anak perempuan dinyatakan pada Fasal 13 dalam *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan*. Hal ini kerana peraturan itu sememangnya tidak menjadi amalan dalam kalangan orang Melayu di Perak bahkan sehingga kini (Jelani Harun, 2008). Walau bagaimanapun, untuk bersandarkan semata-mata kepada amalan pewarisan tanah untuk menolak wujudnya sistem pemilikan tanah tradisional adalah tidak wajar. Walaupun di satu sisi amalan pewarisan tanah tidak diamalkan di Perak, akan tetapi amalan pembayaran satu persepuluh itu menjadi bukti kukuh wujudnya sistem pemilikan tanah tradisional di Perak. Sungguhpun pembuktian yang dikemukakan oleh Maxwell melibatkan satu-satunya daerah di Perak yang menunjukkan berkemungkinan amalan pembayaran satu persepuluh ini tidak pernah diamalkan di daerah-daerah lain, akan tetapi amalan pembayaran yang tidak diberatkan itu tidak boleh dijadikan hujah bagi menolak wujudnya sistem pemilikan tanah tradisional. Hal ini kerana amalan pembayaran yang tidak diberatkan ini sememangnya menjadi amalan dalam adat orang Melayu. Menurut Ahmad Nazri (1985) amalan pembayaran adalah satu bentuk taat setia yang ditunjukkan oleh rakyat kepada pemerintah dan bukanlah perkara yang wajib dipenuhi oleh setiap rakyat. Hanyalah amalan ini wujud dalam sistem nilai masyarakat Melayu dan menjadi sebahagian daripada adat orang Melayu.

Namun, amalan pembayaran yang tidak diberatkan ini sebenarnya terkait dengan corak penggunaan tanah dalam kalangan orang Melayu yang sebahagian besarnya mengamalkan kegiatan pertanian secara sara diri. Menurut Maxwell (1884), orang Melayu di Perak mengamalkan dua bentuk pertanian, iaitu pertanian tetap dan pertanian pindah. Pertanian tetap melibatkan pertanian padi di kawasan yang berair manakala pertanian pindah melibatkan pertanian padi di kawasan yang kering. Walau bagaimanapun, kegiatan pertanian yang diamalkan oleh orang Melayu di Perak hanyalah secara kecil-kecilan, iaitu sekadar untuk memenuhi keperluan keluarga. Hal ini bermakna, dalam aspek pertanian, orang Melayu di Perak secara keseluruhannya tidaklah menjana hasil pengeluaran secara besar-besaran melainkan di Kerian yang mana kegiatan ekonomi yang berasaskan pertanian telah pun diusahakan secara besar-besaran semasa pemerintahan



tradisional lagi yang menyebabkan amalan pembayaran cukai itu benar-benar diamalkan. Menurut Maxwell (1884), amalan pembayaran cukai itu benar-benar diamalkan berikutan daerah Kerian merupakan daerah pengeluar utama padi. Namun, bagi daerah-daerah lain yang bukan pengeluar utama padi termasuklah daerah Kinta, amalan pembayaran cukai itu sukar untuk diamalkan. Oleh itu, amalan pembayaran cukai yang tidak diberatkan ini adalah bersesuaian dengan corak penggunaan tanah dalam kalangan orang Melayu di Perak yang sebahagian besarnya mengamalkan kegiatan ekonomi sara diri dan peraturan pembayaran cukai ini hanya benar-benar diamalkan apabila terdapatnya penghasilan tanaman yang banyak, yakni melebihi keperluan sara diri seperti yang diamalkan di Kerian, Perak. Oleh itu, berasaskan kepada bukti yang terdapat di Kerian itu menunjukkan negeri Perak sebenarnya telah pun memiliki satu sistem pemilikan tanah yang mendasari hak pemilikan ke atas tanah yang bersesuaian dengan kegiatan pertanian yang diamalkan oleh orang Melayu pada ketika itu.

Tanah untuk Perlombongan

Dalam membincangkan mengenai sistem pemilikan tanah pada bahagian sebelumnya, satu perkara yang menimbulkan persoalan adalah kedudukan tanah lombong dalam undang-undang tradisional. Persoalan ini timbul berikutan kedua-dua undang-undang tradisional ini tidak menyentuh secara langsung mengenai hak pemilikan terhadap tanah perlombongan dan semata-mata menyentuh mengenai hak pemilikan bagi tanah pertanian. Hal ini ada kaitannya dengan kegiatan ekonomi utama bagi orang Melayu pada ketika itu kebanyakannya tertumpu kepada kegiatan pertanian. Walau bagaimanapun, tidak bermakna tidak terdapat sebarang peraturan berkaitan tanah lombong dalam undang-undang tradisional. Jika diteliti, *Undang-Undang Minangkabau* telah menyentuh berkenaan dengan cukai yang dikenakan ke atas bijih timah. Misalnya, Fasal 130 menyentuh mengenai cukai eksport bagi bijih timah di kawasan muara sungai tidak boleh melebihi \$2 bagi setiap pikul. Bagi bijih timah yang bernilai tinggi dan aktiviti melombong di kawasan parit pula cukai eksport yang dikenakan adalah \$2 pikul dan jumlah keseluruhan cukai adalah \$22 pikul. Fasal 132 pula menyentuh mengenai sebahagian cukai ke atas bijih timah perlu dibayar kepada sultan, iaitu sebanyak 6 rial sebahara (Winstedt, 1953). Walaupun *Undang-Undang Minangkabau* ini tidak menyatakan secara langsung mengenai hak pemilikan bagi tanah lombong, akan tetapi hakikat bahawa terdapatnya cukai khusus bagi orang Melayu untuk mengusahakan tanah-tanah lombong dan cukai ini perlu dibayar kepada sultan menunjukkan bahawa tanah-tanah lombong pada ketika itu adalah ditadbir di bawah kuasa sultan dan rakyat yang mengusahakannya perlulah membayar cukai kepada sultan. Penetapan sedemikian menunjukkan bahawa adanya sistem pemilikan tanah berkaitan tanah lombong semasa pemerintahan tradisional.

Peraturan-peraturan berkaitan tanah lombong yang dinyatakan dalam *Undang-Undang Minangkabau* ini bahkan menunjukkan persamaannya dengan peraturan-peraturan tanah lombong yang dikemukakan oleh Anderson (1824) yang berperanan sebagai pegawai awam British ketika tempoh pemerintahan Syarikat Hindia Timur Inggeris. Anderson (1824) menyatakan bahawa orang Melayu dan orang Siam semasa pemerintahan tradisional bebas untuk melombong bijih timah dan hanya perlu membayar cukai kepada Raja. Hasil bijih timah itu kemudiannya akan dibeli oleh Raja yang menjadi satu-satunya pembeli bagi hasil bijih timah yang dilombong itu. Hasil bijih timah yang dibeli oleh Raja ini akan dilebur oleh individu yang dilantik oleh Raja yang menyebabkan orang lain tidak dibenarkan untuk melebur bijih timah tanpa kebenaran daripada Raja (Anderson, 1824). Gambaran ini menunjukkan wujudnya sistem pemilikan tanah semasa pemerintahan tradisional yang mana tanah lombong itu adalah milik sultan dan rakyat masih bebas



untuk memiliki dan mengusahakan tanah lombong dengan pembayaran cukai kepada sultan seperti mana yang diamalkan oleh orang Melayu dalam mengusahakan tanah pertanian. Hal ini menunjukkan terdapat juga persamaan peraturan bagi mengusahakan tanah pertanian dengan tanah perlombongan yang rata-ratanya masih membolehkan rakyat untuk memiliki dan mengusahakan tanah secara bebas.

Selain menunjukkan persamaannya dengan sistem pemilikan tanah pertanian, gambaran yang diberikan oleh Anderson (1824) ini juga bahkan menunjukkan persamaan dengan cara mengusahakan tanah lombong semasa pemerintah tradisional di Kinta. Walaupun Anderson (1824) tidak mengaitkan secara langsung tafsiran-tafsirannya dengan daerah Kinta, akan tetapi tafsiran Anderson (1824) menunjukkan persamaannya dengan kajian oleh Hale (1885) dalam membincangkan sejarah perlombongan di Kinta. Hale (1885) yang berperanan sebagai Inspektor Perlombongan di Kinta mendapati berkemungkinan tradisi melombong bijih di Kinta telah bermula sejak beberapa abad yang lalu. Menurutnya, dahulu kala kerja-kerja melombong telah dikerjakan oleh orang Siam secara meluas yang menjadikan mereka antara pengusaha lombong yang utama di kawasan itu. Buktinya, beliau melihat sendiri terdapat sekurang-kurangnya 50 lubang galian yang dalam seperti telaga di Bukit Lahat dengan diameter 8 kaki dan kedalaman lubang itu dikatakan 20 kaki. Di kawasan pedalaman pula, beliau menyaksikan terdapat lubang besar yang dipanggil ‘lombong Siam’ oleh penduduk tempatan yang berdiameter 50 kaki dan kedalamannya melebihi 20 kaki yang terletak di kawasan hutan dara. Tinggalan lombong-lombong ini menunjukkan kerja-kerja perlombongan telah dikerjakan oleh orang Siam suatu ketika dahulu. Baginya, terdapat perbezaan kaedah antara orang Melayu dengan orang Siam yang membolehkannya membuat kesimpulan bahawa selain orang Melayu, orang Siam juga antara pengusaha lombong yang utama di Kinta (Hale, 1885). Hal ini menunjukkan bahawa terdapat persamaan tafsiran yang dikemukakan oleh Anderson (1824) dengan Hale (1885) mengenai sejarah perlombongan di Kinta. Maka, sebenarnya selain menggariskan peraturan-peraturan tanah pertanian, undang-undang tradisional juga telah menggariskan peraturan-peraturan berkaitan tanah perlombongan yang dilihat adanya persamaan dengan bentuk pengamalan tanah perlombongan oleh orang Melayu di Kinta. Keadaan ini menunjukkan bahawa wujudnya sistem pemilikan tanah di Perak semasa pemerintahan tradisional.

Pengenalan Perundangan Tanah Kolonial Semasa Pentadbiran British di Perak

Peraturan-peraturan tanah di bawah pentadbiran British mengalami perubahan yang begitu signifikan seperti mana yang dinyatakan oleh Andaya dan Andaya (1982) bahawa perubahan terbesar yang telah dimulakan oleh British adalah menubuhkan sistem perundangan untuk menolak peraturan tanah tradisional bagi membolehkan sistem pemilikan tanah Barat diperkenalkan di Tanah Melayu. Walau bagaimanapun, dalam menolak peraturan tanah tradisional, British nampaknya masih mengekalkan cara pemilikan tanah tradisional orang Melayu dengan menetapkan pemilikan tanah turut berasaskan kepada kemampuan untuk mengusahakan tanah secara berterusan bagi membolehkan hak pemilikan ke atas tanah dikekalkan. Sekiranya tanah tidak diusahakan dalam tempoh yang ditetapkan, maka kerajaan berhak untuk mengambil semula tanah yang tidak diusahakan itu seperti yang termaktub di bawah Seksyen 3 (vi) dalam ‘*General Land Regulation, 1879*’ yang menetapkan kerajaan berhak untuk mengambil satu perempat daripada tanah pajakan pertanian yang tidak diusahakan dalam tempoh enam bulan dari tarikh pajakan atau jika lebih dari tiga perempat tanah dibiarkan tidak diusahakan selama enam bulan berturut-turut, atau jika keseluruhan tanah ditinggalkan selama tiga tahun berturut-turut. Peraturan



ini kemudiannya dikekalkan di bawah Seksyen 30 (ii) dalam '*General Land Regulations, 1885*'. Bagi '*The Land Enactment, 1897*', peraturan ini termaktub di bawah Seksyen 28 dan 47 dan kemudiannya dikekalkan di bawah Seksyen 34 dan 54 dalam '*The Land Enactment, 1903*'. Peraturan ini masih dikekalkan di bawah Seksyen 36 dan 56 dalam '*The Land Enactment, 1911*' dan akhirnya tetap dikekalkan di bawah Seksyen 36 (i) dalam '*The Land Code, 1926*'. Pengekalan peraturan ini menyebabkan Azizah (1985) berpendapat sistem pemilikan tanah tradisional tidak pernah dimansuhkan secara rasmi di bawah pentadbiran British. Walaupun perundangan tanah British mewujudkan konsep pendudukan secara haram yang sebelumnya tidak pernah wujud di bawah undang-undang tradisional, akan tetapi konsep pendudukan secara haram ini tidak terpakai bagi tanah-tanah yang diduduki oleh orang Melayu. Hal ini kerana cara pemilikan dan pengambilan tanah di bawah perundangan tanah British masih sama dengan cara pemilikan dan pengambilan tanah di bawah sistem pemilikan tradisional (Azizah, 1985). Namun, walaupun pemilikan tanah orang Melayu diperakui oleh British, akan tetapi orang Melayu masih terikat untuk mematuhi peraturan-peraturan tanah baharu yang lebih tegas berbanding sebelumnya.

Peraturan-peraturan tanah baharu yang diperkenalkan oleh British di Perak adalah pemberian hak pemilikan tanah secara bertulis dan terbuka yang perlu didaftarkan di Pejabat Tanah. Hal ini bermakna selain memperuntukkan semua tanah untuk didaftarkan, perundangan tanah British juga membuka peluang kepada semua pihak untuk memiliki tanah. Hal ini menyebabkan orang Melayu tidak lagi menjadi satu-satunya pemilik ke atas tanah-tanah di negeri mereka yang sebelumnya dapat dimiliki dan diusahakan secara bebas dengan peraturan-peraturan tanah yang minimum dan tidak membebankan. Keadaan ini sebenarnya berkait rapat dengan dasar tanah British itu sendiri yang menggalakkan golongan pemodal dan kaum pendatang untuk turut memiliki dan mengusahakan tanah bagi mempercepatkan pertumbuhan ekonomi. Oleh hal demikian, tumpuan utama British adalah untuk menggunakan semaksimum mungkin pengeluaran tanah bagi menjana pendapatan. Tujuan ini menyebabkan selain menetapkan hak pemilikan ke atas tanah adalah berasaskan kemampuan untuk mengusahakan tanah secara berterusan, British juga menetapkan hak pemilikan ke atas tanah juga adalah berasaskan kepada kemampuan untuk membayar sewa tanah dan kos-kos lain seperti yang termaktub di bawah Seksyen 30 dalam '*General Land Regulations, 1879*' yang menetapkan pemilik tanah yang gagal membayar sewa tanah pada tempoh yang ditetapkan, maka pemungut hasil boleh menuntut bayaran melalui notis penjualan tanah. Sekiranya bayaran masih tidak dibuat dalam tempoh 15 hari, maka pemungut hasil boleh mengeluarkan perintah rampasan dan merampas tanah termasuklah harta dan barang yang berada di atas tanah. Peraturan ini kemudiannya dikekalkan di bawah Seksyen 25 dalam '*General Land Regulations, 1885*'. Bagi '*The Land Enactment, 1897*', peraturan ini termaktub di bawah Seksyen 64 dan dikekalkan di bawah Seksyen 71 dalam '*Land Enactment, 1903*'. Peraturan ini masih dikekalkan di bawah Seksyen 73 dalam '*The Land Enactment, 1911*' dan akhirnya tetap dikekalkan di bawah Seksyen 209 dalam '*The Land Code, 1926*'. Oleh itu, boleh dikatakan di bawah perundangan tanah British, kemampuan untuk membayar sewa tanah turut dijadikan sandaran bagi membolehkan hak pemilikan ke atas tanah dikekalkan.

Walaupun bagaimanapun, dalam soal sewa tanah, kemampuan untuk membayar sewa tanah bukan sahaja telah dijadikan sandaran bagi membolehkan hak pemilikan ke atas tanah dikekalkan, akan tetapi telah dijadikan sandaran untuk menilai kemampuan seseorang pemohon untuk memiliki tanah baharu. Hal ini bermakna sekiranya seseorang itu tidak berkemampuan untuk membayar sewa tanah, maka permohonan tanahnya akan ditolak. Buktinya, pada tahun 1888,



ketika berlakunya peningkatan dalam jumlah permohonan tanah perlombongan di Kinta yang menyebabkan masih terdapat 900 permohonan tanah yang belum diselesaikan, kerajaan mengarahkan untuk hanya meluluskan permohonan tanah yang dapat membuktikan bahawa mereka memiliki modal yang mencukupi untuk mengusahakan tanah atau mempunyai sebab khas yang boleh dipertimbangkan oleh kerajaan (*Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Perak*, 1888). Hal ini menyebabkan tanah telah dijadikan komoditi yang boleh dijual beli kerana pemilikannya adalah berdasarkan kepada kemampuan untuk membayar sewa tanah.

Memang tidak dinafikan bahawa kadar sewa tanah yang ditetapkan oleh British pada peringkat awal adalah pada kadar yang rendah, iaitu sekitar \$0.25 sehingga \$2 seekar bergantung kepada jenis tanah, akan tetapi bermula '*The Land Enactment, 1897*', British menetapkan kadar pembayaran sewa tanah untuk sentiasa disemak semula bagi setiap 30 tahun agar bersesuaian dengan penurunan dan peningkatan nilai tanah.³ Namun, penetapan sedemikian sudah tentu menyebabkan kadar sewa tanah meningkat kerana nilai tanah sememangnya dijangka untuk meningkat dari semasa ke semasa seiring dengan peningkatan populasi penduduk dan perkembangan infrastruktur serta komunikasi (Lim, 1976). Situasi ini jelas berlaku di Kinta apabila perkembangan sektor perlombongan bijih timah telah meningkatkan nilai tanah yang memberi kesan kepada peningkatan kadar sewa tanah. Buktinya, peningkatan populasi penduduk di Kinta telah menyebabkan peningkatan dalam jumlah permohonan tanah khususnya pada tahun 1896 yang memaksa Residen untuk menutup buku permohonan tanah dalam jangka masa yang lama, iaitu dari tahun 1896 sehinggalah tahun 1904 (*Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Perak*, 1904). Penutupan buku permohonan tanah dalam jangka masa hampir 10 tahun ini telah menyebabkan berlakunya peningkatan nilai tanah di Kinta yang sudah tentu memberi kesan kepada peningkatan kadar sewa tanah di Kinta.

Selain menjadikan peraturan-peraturan ini sebagai asas kepada orang Melayu untuk memiliki tanah, perundangan tanah British turut memperuntukkan peraturan-peraturan berkaitan tanah pertanian. Dari awal lagi British telah memperuntukkan peraturan-peraturan yang menggalakkan orang Melayu untuk menceburi kegiatan pertanian untuk mengehadkan peluang orang Melayu daripada menceburi kegiatan perlombongan yang lebih dikhususkan untuk diusahakan oleh orang Eropah dan golongan pemodal yang dianggap lebih berkemampuan dalam mengusahakan tanah-tanah lombong. Penetapan sedemikian oleh British berikutan tanah-tanah perlombongan memerlukan modal yang besar yang tidak dimiliki oleh kebanyakan orang Melayu yang menyebabkan British lebih menggalakkan orang Melayu untuk sekadar mengusahakan tanah-tanah pertanian khususnya pertanian padi.⁴ Seperti mana yang dibincangkan sebelumnya, orang Melayu di Perak mengamalkan pertanian tetap yang sesuai untuk pertanian padi secara sawah atau bendang. Corak penggunaan tanah bagi pertanian tetap ini adalah berbeza dengan pertanian pindah yang diusahakan secara huma atau ladang. Bentuk pertanian pindah ini membolehkan kawasan berhutan digunakan bagi mengusahakan pertanian padi secara huma atau ladang. Hal ini bermakna kawasan hutan yang mengandungi hasil-hasil hutan perlulah ditebang terlebih dahulu sebelum diusahakan selama tiga musim. Setelah mencapai tempoh tersebut, maka tanah ini akan dibiarkan menjadi hutan belukar dan sebuah kawasan hutan yang lain akan digunakan bagi memulakan pertanian padi secara huma atau ladang (Jomo, 1988). Walau bagaimanapun, corak penggunaan tanah sedemikian dianggap bertentangan dengan peraturan tanah British yang menetapkan setiap dokumen pemilikan tanah yang dikeluarkan hanya akan



memberi pemilik tanah hak untuk mengerjakan permukaan tanah sahaja. Hal ini bermakna pemilik tanah tidak mempunyai hak untuk mengambil atau memindahkan sebarang hasil hutan atau sebarang bahan lain dari luar batas tanah melainkan dengan adanya lesen yang sah.⁵ Oleh hal demikian, pegawai daerah British bertindak untuk cuba menghentikan pertanian padi secara huma atau ladang ini khususnya di Kinta yang mana berlakunya pembakaran ladang setiap hari di sepanjang jalan dari Batu Gajah ke Gopeng (Khoo, 1969). Peraturan ini telah diperuntukkan di bawah '*Discouragement of Ladang Cultivation*' dengan tujuan untuk mengurangkan amalan penanaman secara huma dan ladang dan menggalakkan pertanian kekal.⁶ Hal ini menyebabkan bermula 1 Januari 1890, orang Melayu tidak lagi dibenarkan untuk menebang hutan untuk penanaman padi secara huma atau ladang. Bagi memperkukuhkan lagi halangan ini, British turut memperuntukkan kuasa khas kepada kerajaan untuk mengawal pengambilan hasil hutan.⁷ Hal ini bermakna pemilik tanah perlulah mendapatkan kebenaran terlebih dahulu sebelum mengambil atau menebang kayu balak, arang, getah dan semua hasil hutan yang tumbuh secara semula jadi.

Bagi peraturan-peraturan berkaitan tanah perlombongan pula, perundangan tanah British menetapkan hasil bijih timah yang terkandung di dalam tanah adalah milik kerajaan. Walaupun pada awalnya British menetapkan mana-mana kawasan yang diketahui mengandungi bijih timah dan belum diberikan pajakan atau hak milik yang sah adalah rizab milik kerajaan yang diletakkan di bawah '*Mining Reserve*', akan tetapi pembaharuan yang diperkenalkan di bawah '*General Land Regulation, 1885*' telah menyebabkan semua bahan galian yang terkandung di dalam tanah dirizabkan kecuali bagi tanah yang diletakkan di bawah '*Mining Reserve*' dan bahan galian yang dirizabkan ini termasuklah tanah yang telah dan belum diberi hak milik.⁸ Hal ini bermakna sama ada tanah itu di bawah '*Mining Reserve*' ataupun tidak, bahan galian yang terkandung di dalam tanah perlombongan tetap menjadi hak milik kerajaan. Namun, tanah-tanah perlombongan ini masih boleh diusahakan oleh mana-mana pihak dengan mendapatkan lesen pajakan daripada kerajaan. Walau bagaimanapun, bagi tanah perlombongan, perundangan tanah British itu sendiri menunjukkan keterbukaannya dalam memberi pajakan tanah-tanah perlombongan ini kepada orang Eropah dan golongan pemodal berbanding orang Melayu dengan memperuntukkan peraturan yang membolehkan pajakan khas untuk diberikan kepada orang Eropah dan golongan pemodal yang berkemampuan untuk memperkenalkan teknologi perlombongan baharu di Perak.⁹ Ringkasnya, peraturan ini telah mengekang orang Melayu untuk terlibat dengan lebih aktif dalam penerokaan tanah untuk menjalankan kegiatan ekonominya kerana kekangan undang-undang tanah yang diperkenalkan British ini telah menyumbang kepada kehilangan tanah orang Melayu termasuklah di Kinta.

Kesan Perundangan Tanah British ke Atas Orang Melayu di Kinta

Kesan ke atas Tanah Pertanian dan Perlombongan

Perubahan ketara dalam sistem pemilikan tanah yang dirasakan oleh orang Melayu adalah wujudnya pemilikan tanah secara persendirian yang membentuk hubungan antara tuan tanah dan penyewa yang telah menjadikan tanah sebagai komoditi yang boleh disewakan, dijual beli atau dijadikan cagaran untuk mendapatkan pinjaman (Jomo, 1990). Keadaan ini telah menimbulkan isu kehilangan tanah dalam kalangan orang Melayu akibat kegagalan mereka membayar semula pinjaman kepada golongan ceti. Permasalahan ini bahkan telah disuarakan dalam majalah dan akhbar Melayu pada ketika itu yang mengkritik sikap orang Melayu yang suka mendapatkan pinjaman daripada golongan ceti untuk tujuan sosial sehingga akhirnya menyebabkan tanah-tanah mereka terjual dan tergadai akibat kegagalan membayar semula pinjaman (Rahman Tang Abdullah



dan Abdul Rashid Salleh, 2015)¹⁰. Permasalahan ini telah menimbulkan kebimbangan yang menyebabkan British memperkenalkan Enakmen TSM pada 1913 bagi menghalang orang Melayu daripada menjual atau mencagarkan tanah untuk mendapatkan pinjaman (Ahmad Nazri, 1985). Tindakan British memperkenalkan enakmen ini telah menyebabkan perbincangan mengenai isu kehilangan tanah dalam kajian-kajian lepas turut mengaitkan sikap orang Melayu suka berhutang sebagai punca utama kepada berlakunya isu kehilangan tanah.

Misalnya, Rahman Tang Abdullah dan Abdul Rashid Salleh (2015) bersetuju bahawa sikap orang Melayu suka berhutang kepada golongan ceti sebagai punca kepada orang Melayu kehilangan tanah termasuklah TSM dengan bersandarkan kepada kritikan-kritikan yang disuarakan dalam majalah dan akhbar Melayu pada tempoh 1930-an (2015). Ahmad Nazri (1985) turut mengaitkan sikap orang Melayu suka berhutang bagi tujuan sosial sebagai punca kepada berlakunya isu kehilangan tanah. Baginya, orang Melayu begitu mementingkan kedudukan sosial yang menyebabkan sebarang upacara perlulah dilaksanakan secara besar-besaran. Kepentingan tersebut bermakna sejumlah wang yang besar perlu diperuntukkan bagi melaksanakan upacara tersebut yang menyebabkan tanah-tanah milik mereka terjual dan tergadaikan kepada orang bukan Melayu. Walau bagaimanapun, Ahmad Nazri (1985) tidaklah menafikan pembayaran sewa tanah yang diperuntukkan dalam perundangan tanah British turut menjadi punca kepada isu kehilangan tanah dalam kalangan orang Melayu. Namun demikian, Nazri tidak pula memperincikan sewa tanah sebagai punca utama kepada kehilangan tanah dalam kalangan orang Melayu. Sungguhpun begitu, kegagalan British dalam menyelesaikan isu kehilangan tanah dalam kalangan orang Melayu selepas penguatkuasaan Enakmen TSM 1913 telah menimbulkan persoalan tentang punca utama kepada berlakunya isu ini.

Persoalan ini timbul berikutan bukti-bukti yang direkodkan dalam *Perak Government Gazette* (PGG) dan *Federated Malay States Government Gazette* (F.M.S. GG) menunjukkan isu kehilangan tanah dalam kalangan orang Melayu bukanlah semata-mata berpunca daripada sikap orang Melayu yang suka berhutang sebaliknya berpunca daripada kegagalan mematuhi peraturan sewa tanah di bawah perundangan tanah British yang menyebabkan orang Melayu terpaksa berhadapan dengan isu kehilangan tanah walaupun selepas penguatkuasaan Enakmen TSM 1913. Hal ini kerana kegagalan orang Melayu untuk mematuhi peraturan sewa tanah ini telah menyebabkan notis penjualan tanah dikeluarkan bagi membolehkan tanah tersebut dijual menerusi lelongan awam. Buktinya, seawal tahun 1891 lagi telah terdapat notis penjualan tanah di Kinta akibat kegagalan mematuhi peraturan sewa tanah yang termaktub di bawah Seksyen 6 dalam '*General Land Regulation Amendment, 1891*' (PGG, 1891). Walau bagaimanapun, dalam tempoh 1891 sehingga 1904, tidak terdapat sebarang keputusan penjualan tanah yang direkodkan dalam PGG sehinggalah pada tahun 1905. Berdasarkan kepada keputusan penjualan tanah pertanian yang direkodkan pada tahun 1905, sebanyak 39 tanah telah dilelong akibat kegagalan mematuhi peraturan sewa tanah di bawah seksyen 6 dalam '*General Land Regulation Amendment, 1891*' dan di bawah Seksyen 71 dalam '*The Land Enactment, 1903*'. Daripada jumlah keseluruhan tersebut, sebanyak 13 tanah telah dibeli oleh orang bukan Melayu, 7 tanah telah dibeli oleh orang Melayu, 4 tanah telah ditarik balik notis penjualan tanah setelah membayar sewa tertunggak (*withdrawn*), 1 tanah telah dibatalkan notis penjualan tanah (*cancelled*) dan selebihnya adalah tanah yang tidak dibida dan tanah ini dikembalikan kepada kerajaan (PGG, 1905). Pada tempoh 1906 sehingga 1911, iaitu sebelum perundangan tanah sedia ada digubal, daerah Kinta telah merekodkan sebanyak 33 tanah telah dilelong. Daripada jumlah keseluruhan tersebut, sebanyak 24 tanah telah



dibeli oleh orang bukan Melayu, 4 tanah telah dibeli oleh orang Melayu dan 4 tanah lagi telah ditarik balik notis penjualan tanahnya (PGG 1906; PGG, 1907; PGG 1908; PGG 1911). Pada tempoh 1912 sehingga 1915, direkodkan sebanyak 71 tanah telah dilelong di bawah perundangan tanah baharu, iaitu *'The Land Enactment, 1911'* di bawah Seksyen 73. Daripada jumlah keseluruhan tersebut, sebanyak 25 tanah telah dibeli oleh orang bukan Melayu, 6 tanah dibeli oleh orang Melayu, 38 tanah telah ditarik balik notis penjualan tanahnya dan 2 tanah tidak dibida (PGG, 1912; PGG, 1913; PGG, 1915; PGG, 1916). Walau bagaimanapun, dalam tempoh lima tahun pertama selepas penguatkuasaan Enakmen TSM 1913 di Kinta, nampaknya isu kehilangan tanah masih berlaku di Kinta. Buktinya, pada tempoh 1916 hingga 1920, sebanyak 119 tanah telah dilelong. Daripada jumlah keseluruhan tersebut, sebanyak 46 tanah telah dibeli oleh orang bukan Melayu, 4 tanah telah dibeli oleh orang Melayu, 69 telah ditarik balik notis penjualan tanahnya dan 1 lot tanah lagi tidak dibida (PGG, 1916; PGG, 1917; F.M.S. GG, 1918; F.M.S. GG, 1919; F.M.S. GG, 1921). Pada tempoh 1921 sehingga 1930, isu kehilangan tanah dalam kalangan orang Melayu masih berlaku dengan mencatatkan sebanyak 33 tanah telah dilelong di bawah di bawah Seksyen 73 dalam *'The Land Enactment, 1911'* dan di bawah Seksyen 209 dalam *'The Land Code, 1926'*. Daripada jumlah keseluruhan tersebut, sebanyak 23 tanah telah dibeli oleh orang bukan Melayu, 6 tanah telah dibeli oleh orang Melayu, dan 4 lot tanah lagi tidak dibida (F.M.S. GG, 1922; F.M.S. GG, 1923; F.M.S. GG, 1924; F.M.S. GG, 1925; F.M.S. GG, 1926; F.M.S. GG, 1928; F.M.S. GG, 1931). Pada tempoh 1931 sehingga 1941, sebanyak 13 tanah telah dilelong di bawah Seksyen 209 dalam *'The Land Code, 1926'*. Daripada jumlah keseluruhan tersebut, sebanyak 8 tanah telah dibeli oleh orang bukan Melayu, 4 tanah telah dibeli oleh orang Melayu, dan 1 tanah telah ditarik balik notis penjualan tanahnya (F.M.S. GG, 1933; F.M.S. GG, 1940).

Selain tanah pertanian, lelongan tanah akibat kegagalan mematuhi peraturan sewa tanah ini juga melibatkan tanah perlombongan. Berdasarkan kepada keputusan penjualan tanah yang direkodkan pada tahun 1905, sebanyak 52 tanah telah dilelong akibat kegagalan mematuhi peraturan sewa tanah di bawah seksyen 6 dalam *'General Land Regulation Amendment, 1891'* dan di bawah Seksyen 71 dalam *'The Land Enactment, 1903'*. Daripada jumlah keseluruhan tersebut, sebanyak 31 tanah telah dibeli oleh orang bukan Melayu, 2 tanah telah dibeli oleh orang Melayu, 13 tanah telah ditarik balik notis penjualan tanah dan 6 tanah lagi tidak dibida (PGG, 1905). Pada tempoh 1906 sehingga 1911, sebanyak 20 tanah perlombongan telah dilelong di bawah di bawah Seksyen 71 dalam *'The Land Enactment, 1903'*. Daripada jumlah keseluruhan tersebut, sebanyak 13 tanah telah dibeli oleh orang bukan Melayu, 2 tanah telah dibeli oleh orang Melayu, 5 tanah telah ditarik balik notis penjualan tanahnya (PGG, 1907; dan PGG, 1911). Pada tempoh 1912 sehingga 1915, direkodkan sebanyak 49 tanah perlombongan telah dilelong di bawah perundangan tanah baharu, iaitu *'The Land Enactment, 1911'* di bawah Seksyen 73. Daripada jumlah keseluruhan tersebut, sebanyak 19 tanah telah dibeli oleh orang bukan Melayu, 1 tanah telah dibeli oleh orang Melayu, 1 tanah telah dibeli secara bersama antara orang Melayu dan bukan Melayu, dan 28 tanah telah ditarik balik notis penjualan tanahnya (PGG, 1912; PGG, 1913; PGG, 1915; PGG, 1916). Walau bagaimanapun, dalam tempoh 5 tahun pertama selepas penguatkuasaan Enakmen TSM 1913 di Kinta, nampaknya isu kehilangan tanah dalam kalangan orang Melayu masih berlaku di Kinta. Buktinya, pada tempoh 1916 hingga 1920, sebanyak 135 lot tanah telah dilelong di bawah di bawah Seksyen 73 dalam *'The Land Enactment, 1911'*. Daripada jumlah keseluruhan tersebut, sebanyak 40 tanah telah dibeli oleh orang bukan Melayu, 88 tanah telah ditarik balik notis penjualan tanahnya dan 7 lot tanah lagi tidak dibida (PGG, 1916; PGG, 1917; dan F.M.S. GG, 1918). Pada tempoh 1921 sehingga 1930, isu kehilangan tanah dalam kalangan



orang Melayu masih berlaku dengan mencatatkan sebanyak 32 lot tanah perlombongan telah dilelong di bawah di bawah Seksyen 73 dalam *'The Land Enactment, 1911'* dan di bawah Seksyen 209 dalam *'The Land Code, 1926'*. Daripada jumlah keseluruhan tersebut, sebanyak 24 tanah telah dibeli oleh orang bukan Melayu, dan 8 tanah lagi telah ditarik balik notis penjualan tanahnya (*F.M.S. GG, 1922; F.M.S. GG, 1924*). Walau bagaimanapun, pada tahun 1931 sehingga 1941, tidak terdapat sebarang penjualan tanah melibatkan tanah perlombongan.

Berdasarkan data-data yang diperoleh ini, maka isu kehilangan tanah dalam kalangan orang Melayu di Kinta sebenarnya berpunca daripada perundangan tanah British itu sendiri. Buktinya, sejak dari awal lagi orang Melayu telah pun berhadapan dengan isu kehilangan tanah akibat kegagalan mematuhi peraturan sewa tanah. Tindakan British yang menguatkuasakan Enakmen TSM 1913 bagi menghalang penggadaian dan penjualan tanah orang Melayu, nyata tidak merubah hakikat bahawa dalam tempoh 5 tahun pertama daripada pelaksanaan enakmen TSM 1913 di Kinta, isu kehilangan tanah dalam kalangan orang Melayu bukan sahaja gagal diselesaikan, malah telah merekodkan jumlah lelongan tanah tertinggi berbanding tahun-tahun sebelumnya, iaitu sebanyak 119 tanah pertanian dan 135 tanah perlombongan. Isu kehilangan tanah ini bahkan masih lagi berlaku secara berterusan di Kinta sehingga tahun 1941 yang menunjukkan bahawa isu kehilangan tanah dalam kalangan orang Melayu bukanlah berpunca semata-mata daripada sikap orang Melayu yang suka berhutang bagi memenuhi tujuan sosial semata-mata. Walau bagaimanapun, kegagalan British dalam menyelesaikan isu kehilangan tanah dalam kalangan orang Melayu bukanlah suatu yang menghairankan kerana pada hakikatnya pelaksanaan Enakmen TSM 1913 di Kinta itu sendiri adalah gagal dilaksanakan oleh British secara berkesan kerana berbanding daerah-daerah lain di Perak, daerah Kinta memiliki keluasan TSM terkecil, iaitu hanya sekadar 5,870 hektar (0.8%) daripada keluasan keseluruhan TSM di Perak pada tahun 1922. Bahkan selepas tahun 1935, jumlah TSM yang sepatutnya menunjukkan peningkatan telah berkurangan kepada 5,449 hektar yang menyebabkan selepas tempoh tahun 1935, British tidak lagi mementingkan pembentukan TSM di Kinta. Situasi yang berlaku di Kinta ini menunjukkan British tidak berkeinginan untuk membantu orang Melayu dalam menangani isu kehilangan tanah kerana kepentingan ekonomi merupakan agenda utama British. Maka, tidak hairanlah sekiranya isu kehilangan tanah dalam kalangan orang Melayu di Kinta masih gagal diselesaikan oleh British walaupun selepas penguatkuasaan Enakmen TSM 1913 di Kinta.

KESIMPULAN

Walaupun sukar untuk membuktikan undang-undang tradisional benar-benar diamalkan di Perak berikutan tidak terdapat sebarang dokumen pemilikan tanah, akan tetapi kewujudan undang-undang tersebut adalah tidak boleh disangkal. Pembayaran satu persepuluh bagi tanah pertanian yang diamalkan di Kerian itu cukup membuktikan wujudnya sistem pemilikan tanah semasa pemerintahan tradisional. Begitu juga bagi tanah perlombongan yang dikatakan oleh Anderson (1824) bahawa orang Melayu dan orang Siam telah dikenakan pembayaran cukai kepada Raja yang berkemungkinan amalan pembayaran ini diamalkan di Kinta berikutan Hale (1885) berpendapatan kegiatan perlombongan di Kinta telah diusahakan oleh orang Melayu bersama-sama dengan orang Siam. Hal ini bermakna, sama ada dalam kegiatan pertanian ataupun perlombongan, amalan pembayaran cukai itu telah diamalkan oleh orang Melayu di Perak.



Walau bagaimanapun, bagi mencapai kehendak-kehendak ekonominya, pentadbiran British telah memperkenalkan perundangan tanah baharu dengan menetapkan pemberian hak pemilikan tanah secara bertulis dan terbuka yang perlu didaftarkan di Pejabat Tanah. Hal ini menyebabkan kemampuan untuk membayar sewa tanah dan kos-kos lain telah dijadikan sandaran untuk memohon tanah dan mengekalkan hak pemilikan ke atas tanah. Permasalahannya adalah undang-undang tanah yang diperkenalkan oleh British itu sendiri lebih menggalakkan orang Melayu untuk terlibat dalam kegiatan pertanian padi berbanding kegiatan ekonomi yang lebih menguntungkan menyebabkan pendapatan orang Melayu sentiasa rendah. Kesannya, orang Melayu gagal untuk mematuhi peraturan sewa tanah dan kos-kos lain berkaitan tanah lalu menyebabkan timbulnya isu kehilangan tanah dalam kalangan orang Melayu di Kinta.

Justeru, pengenalan Enakmen TSM pada 1913 di Kinta pada tahun 1915 untuk menangani isu kehilangan tanah nyata tidak mengubah hakikat bahawa orang Melayu masih berhadapan dengan isu kehilangan tanah sehingga tahun 1941. Keadaan ini menunjukkan punca utama kepada isu kehilangan tanah bukanlah semata-mata berpunca daripada sikap suka berhutang orang Melayu kepada orang bukan Melayu untuk tujuan sosial, tetapi berpunca daripada peraturan sewa tanah yang ditetapkan oleh British.

Nota Kaki

¹ Peraturan ini termaktub di bawah seksyen 12 dalam '*General Land Regulation, 1879*'. Perundangan tanah turut membolehkan mana-mana pihak selain orang Melayu untuk memiliki tanah seperti mana seksyen 10 dan 26 yang menggalakkan orang Eropah dan golongan pemodal untuk mengusahakan tanah perlombongan dan pertanian menerusi pemberian pajakan khas oleh kerajaan.

² Fleksibiliti dan kuasa yang diberikan kepada golongan ceti membolehkan mereka mengenakan kadar faedah berganda dan meminjamkan wang dengan menggunakan tanah sebagai cagar. Menerusi kaedah ini, jumlah faedah yang perlu dibayar oleh peminjam akan meningkat dengan lebih cepat berbanding dengan faedah mudah yang hanya dikenakan ke atas jumlah pokok pinjaman sahaja. Sekiranya peminjam gagal membayar pinjaman, maka mereka berhak untuk mengambil tanah sebagai ganti rugi. Lihat Ummadevi Suppiah dan Sivachandralingam Sundara Raja. (2016). *The Chettiar Role in Malaysia's Economic History*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, hlm. 19.

³ Peraturan ini termaktub di bawah seksyen 4 dalam '*Land Enactment, 1897*', '*Land Enactment, 1903*' dan '*Land Enactment, 1911*'. Peraturan ini kemudiannya termaktub di bawah seksyen 31 dalam '*Land Enactment, 1926*'.

⁴ Orang Melayu mempunyai perkaitan yang rapat dengan pertanian padi. Hal ini terkait dengan dasar tanah British yang memperuntukkan sektor padi kepada orang Melayu. Walaupun British juga memperuntukkan dasar untuk tidak menggalakkan orang bukan Melayu terlibat dalam sektor tersebut, akan tetapi dasar tersebut tidak membantu orang Melayu untuk berkembang dalam sektor padi. Ringkasnya, dasar yang dikenakan kepada orang bukan Melayu itu tidak mengubah hakikat bahawa British telah memperuntukkan sektor padi kepada orang Melayu. Lihat A Rahman Tang Abdullah. (2018). *Transisi Ekonomi Dalam Masyarakat Melayu: Ekonomi Wang Era Permulaan Kapitalisme di Tanah Melayu*. *Jurnal Kinabalu*, 21, 97-125, hlm. 110.

⁵ Peraturan ini termaktub di bawah seksyen 8 dalam '*The Land Enactment, 1897*'.

⁶ Perundangan ini kemudiannya digubal dalam '*The Land Enactment, 1897*'.

⁷ Peraturan ini termaktub di bawah seksyen 3 (iii) dalam '*General Land Regulations, 1879*' dan seksyen 12 dalam '*General Land Regulation, 1885*'.

⁸ Peraturan ini termaktub di bawah seksyen 20 dalam '*General Land Regulation 1879*' dan dikekalkan di bawah seksyen 35 dalam '*General Land Regulation 1885*' yang kemudiannya digubal dalam '*The Mining Code, 1895*' yang menjadi perundangan khusus bagi tanah perlombongan.

⁹ Peraturan ini termaktub di bawah seksyen 26 dalam '*General Land Regulation 1879*' dan dikekalkan di bawah seksyen 43 dalam '*General Land Regulation 1885*'.



RUJUKAN

- A Rahman Tang Abdullah. (2018). Transisi Ekonomi Dalam Masyarakat Melayu: Ekonomi Wang Era Permulaan Kapitalisme di Tanah Melayu. *Jurnal Kinabalu*, 21, 97-125.
- Ahmad Nazri Abdullah. (1985). *Melayu dan Tanah*. Petaling Jaya: Media Intelek.
- Andaya, B. W. dan Andaya, L. Y. (1982). *A History of Malaysia*. Edisi ke-2, London and Basingstoke: The Macmillan Press Ltd.
- Anderson, J. (1824). *Political and Commercial Considerations Relative to the Malayan Peninsula and the British Settlements in the Straits of Malacca*. British Government: Printed under authority of Government by William Cox.
- Ani Ahmad. (2000). Tanah Rizab Melayu di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: Satu Kajian Kes Terhadap Aspek Perumahan di Kampung Dato' Keramat. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.
- Azizah Kassim. (1985). Politics Of Accommodation: A Case Study of Malay'squatters in Kuala Lumpur. Tesis PhD. Universiti of London.
- CO 438: *Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Perak, 1888-1938*. Perpustakaan Hamzah Sendut 1: Universiti Sains Malaysia. (on microfilm 1488).
- Federated Malay States (F.M.S) Government Gazette*, 1909-1941.
- Hale, A. (1885). On Mines and Miners in Kinta. *JMBRAS: Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 16, 303-320.
- Jelani Harun. (2008). *Undang-Undang Kesultanan Melayu dalam Perbandingan*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Jomo, K. S. (1990). *Growth and Structural Change in the Malaysian*. London: Palgrave Macmillan.
- Lim, Teck Ghee. (1976). *Origins of a Colonial Economy: Land and Agriculture in Perak, 1874-1897*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Maxwell, W. E. (1884). The Law and Customs of the Malays with Reference to The Tenure of Land. *JSBRAS: Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*, 13, 75-220.
- Nik Haslinda Nik Hussain. (2011). *Pentadbiran Kolonial dan Isu Pemilikan Tanah di Kelantan, 1881-1941*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Noor Aisha Abdul Rahman. (2006). *Colonial Image of Malay Adat Laws: A Critical Appraisal of Studies on Adat Laws in the Malay Peninsula during the Colonial Era and Some Continuities*. Leiden: Brill.
- Rigby, J. (1929). *Law: Part II, The Ninety-Nine Laws of Perak*. Kuala Lumpur: F.M.S Govt. Press.
- Siti Noor Hafizah. (2019). Penghijrahan Masyarakat Melayu Ke Kerian, Perak, 1816-1941. Tesis PhD. Universiti Sains Malaysia.
- Siti Noor Hafizah. (2023). Pengaruh Islam Dalam Ekonomi Melayu Tradisional Perak Sebelum Penjajahan British (Kurun Ke-16 – 19 Masihi). *MANU: Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa*, 34 (1), 42-62.
- The Perak Government Gazette*, 1888-1902.
- Ummadevi Suppiah dan Sivachandralingam Sundara Raja. (2016). *The Chettiar Role in Malaysia's Economic History*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya



- Ummadevi Suppiah. (2013). Kegiatan peminjaman wang chettiar di Tanah Melayu, 1896-1957. Tesis PhD. Universiti Malaya
- Winstedt, R. O. (1953). Old Malay Legal Digest and Malay Customary Law. *JMBRAS: Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 1, 17-29.
- Wong, David. (1975). *Tenure and Land Dealings in The Malay State*. Singapore: Singapore University Press.

BIOGRAFI

Nur Ain Mohammad Mokhtar merupakan pelajar Sarjana (MA) di Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia (USM), 11800 Minden, Pulau Pinang, Malaysia. Bidang pengkhususan beliau ialah sejarah sosioekonomi, dengan tumpuan terhadap perkembangan perundangan tanah di Perak serta kesannya terhadap sosioekonomi orang Melayu di Kinta.

Siti Noor Hafizah Mohamed Sharif merupakan Pensyarah Kanan di Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia (USM), 11800 Minden, Pulau Pinang, Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah sejarah sosioekonomi Malaysia dan masyarakat Melayu.